



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDEKATAN METAKOGNISI DALAM PENGAJARAN KARANGAN BAHASA MELAYU

NOR'AINI BINTI KAMARUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku projek sarjana ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

04. 04. 2008.



Tandatangan

NOR'AINI BINTI KAMARUDDIN
M20031001017

PENGHARGAAN

Pertama, saya ingin merakamkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah (SWT) kerana mengurniakan kesihatan yang baik dan kekuatan untuk menyiapkan projek sarjana ini dengan jayanya.

Kedua, penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan dan Encik Idris Mohd. Radzi atas tunjuk ajar yang diberikan dalam usaha saya menyiapkan projek sarjana ini. Tidak lupa juga penghargaan diberikan kepada suami dan anak-anak yang memberi sokongan moral serta memahami kesibukan isteri dan ibu mereka menyiapkan tugas ini. Memang banyak pengorbanan yang perlu diberikan dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan ini. Mudah-mudahan pengorbanan yang dilakukan mendapat ganjaran daripada Allah, insyaallah.

Ketiga, penghargaan turut dirakamkan kepada Cik Robiatul Adawiyah binti Ahmad dan Encik Halim bin Hasan yang sudi membantu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran untuk tujuan kajian. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada murid-murid tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Shing Chung, Sungai Siput (U), Perak yang terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Dan ucapan terima kasih kepada semua yang menyokong usaha menyiapkan projek sarjana ini.

NOR'AINI BINTI KAMARUDDIN
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menguji keberkesanan pendekatan Metakognisi dalam pengajaran karangan bahasa Melayu serta kaitannya dengan minat membaca dan sikap keluarga. Kaedah eksperimental dijalankan pada 40 orang murid bukan Melayu di sebuah sekolah di Sungai Siput (U), Perak. Dalam kajian ini, didapati tiada perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra bagi kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Bagaimana pun terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pos bagi kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Begitu juga antara min ujian pra dengan ujian pos dalam kumpulan eksperimen. Kaedah tinjauan melalui soal selidik pula dilakukan untuk mengkaji hubungan antara minat membaca dan sikap keluarga terhadap pencapaian murid. Hasil kajian ini mendapati minat membaca murid tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian tetapi sikap keluarga mempunyai perhubungan yang signifikan dengan pencapaian murid.





ABSTRACT

This research is carried out to test the effectiveness of metacognition approach in the teaching of essay writing in the Malay language and the connection between the reading interest among learners and their family's attitude. The experimental method is used among 40 non-Malay student in a school, in Sungai Siput (N), Perak. In this research, it is found that, there is no significant difference between the mean in the pre-test for the experimental group and the controlled group. However there is significant difference between the mean in the post-test for the experimental group and the controlled group. The same goes for the mean between the pre-test and the post-test in the experimental group. The observation method through questionnaires was carried out study the relationship between interest in reading and family's attitude towards students' achievements. The result of this study, shows that student interest does not show any significant relation with students' achievement but family's attitude has significant relation.





KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

1

1.1 Latar Belakang Kajian

2

1.2 Pernyataan Masalah

7

1.3 Tujuan Kajian

11

1.4 Persoalan Kajian

11

1.5 Hipotesis Kajian

12

1.6 Kepentingan Kajian

13

1.7 Batasan Kajian

15

1.8 Definisi Istilah

15

1.8.1 Pendekatan

15

1.8.2 Metakognisi

16





1.8.3 Pengajaran	18
------------------	----

1.8.4 Karangan	19
----------------	----

BAB II :	TINJAUAN LITERATUR	21
-----------------	---------------------------	----

2.0	Pengenalan	21
-----	------------	----

2.1	Kajian Literatur Pendekatan Metakognisi	22
-----	---	----

2.2	Kajian berkaitan Penulisan Karangan	25
-----	-------------------------------------	----

2.3	Rumusan	30
-----	---------	----

BAB III :	METODOLOGI	32
------------------	-------------------	----

3.0	Pengenalan	32
-----	------------	----

3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	32
-----	--------------------------	----

3.2	Sampel dan Reka bentuk Persampelan	34
-----	------------------------------------	----

3.3	Instrumen Kajian	35
-----	------------------	----

3.4	Prosedur Kajian	36
-----	-----------------	----

3.5	Tempat Kajian	46
-----	---------------	----

3.6	Analisis Data	46
-----	---------------	----

3.7	Teori Metakognisi	47
-----	-------------------	----

3.7.1	Teori Metakognisi Flavell, (1993)	47
-------	-----------------------------------	----

3.7.2	Strategi Metakognisi Pusat Perkembangan	
-------	---	--

Kurikulum, (2001)	50
-------------------	----

3.7.3	Model Metakognisi Anderson, (2002)	52
-------	------------------------------------	----

3.8	Rumusan	55
-----	---------	----





BAB IV :	DAPATAN KAJIAN	56
4.0	Pengenalan	56
4.1	Latar Belakang Responden	56
4.2	Analisis Ujian –T Sampel Bersandar	58
4.2.1	Hipotesis Nol 1	58
4.2.2	Hipotesis Nol 2	60
4.3	Analisis Ujian – T Sampel Berpasangan	62
4.3.1	Hipotesis Nol 3	63
4.4	Ujian Korelasi	64
4.4.1	Hipotesis Nol 4	65
4.4.2	Hipotesis Nol 5	66
4.5	Rumusan	67



BAB V :	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	68
5.0	Pengenalan	68
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	68
5.2	Implikasi Kajian	70
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.4	Kesimpulan	72
5.5	Rumusan	73

RUJUKAN	75
----------------	-----------





LAMPIRAN

A :	Ujian Pra dan Pos Penulisan Karangan	80
B :	Bahan Edaran Tugas Murid	81
C :	Bahan Latihan Murid	82
D :	Soalan Soal Selidik	83
E :	Output Ujian – T Sampel Tidak Bersandar	
	Hipotesis 1	87
F :	Output Ujian – T Sampel Tidak Bersandar	
	Hipotesis 2	88
G :	Output Ujian – T Sampel Berpasangan	
	Hipotesis 3	89
H :	Output Ujian Korelasi	
	Hipotesis 4	90
I :	Output Ujian Korelasi	
	Hipotesis 5	91





SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

4.1 Statistik Kumpulan (Ho1)	59
4.2 Ujian –T Sampel Tidak Bersandar (Ho1)	59
4.3 Statistik Kumpulan (Ho2)	61
4.4 Ujian –T Sampel Tidak Bersandar (Ho2)	61
4.5 Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Eksperimen (Ho3)	63
4.6 Ujian –T Sampel Berpasangan Kumpulan Eksperimen (Ho3)	64
4.7 Ujian Korelasi (Ho4)	65
4.8 Ujian Korelasi (Ho5)	67





BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini memperkatakan kesan pembelajaran Metakognisi terhadap penulisan karangan. Modul pengajaran yang berasaskan operasi Metakognisi diketengahkan bagi membantu guru menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan dalam pengajaran menulis karangan. Hasil pembelajaran dalam bidang estetik ini memberi fokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Murid diharapkan dapat memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif.

Untuk memudahkan perbincangan, bab ini memperkatakan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah.





1.1 Latar Belakang Kajian

Menulis merupakan kemahiran bahasa di samping mendengar, bertutur, dan membaca yang diberi keutamaan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (PPK, 2000). Empat kemahiran bahasa ini menjadi teras penguasaan bahasa baku dalam kalangan murid dan pengguna bahasa. Keempat-empat kemahiran ini perlu dipelajari oleh seseorang supaya dapat menggunakan bahasa dengan baik. Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi, lantaran itu penguasaannya sukar dicapai, sementelahan pula kebanyakan kegiatan penulisan digunakan secara formal seperti menyalin, menulis soalan dan mengarang. (Sulaiman Masri, 2004). Menulis juga masih menjadi alat perhubungan yang penting walaupun terdapat pelbagai kemajuan dalam teknologi komunikasi. Melalui penulisan sesuatu idea, maklumat, pendapat dan ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan tepat, jelas, dan berkesan jika dibandingkan dengan penyampaian secara lisan. Oleh itu amat penting bagi seseorang itu menguasai kemahiran menulis.

Kemahiran menulis atau mengarang adalah satu aspek penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Marohaini (1996), kemahiran mengarang merupakan kemahiran asas yang paling penting kepada murid berbanding kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain. Hal ini disebabkan sebahagian besar ujian adalah dalam bentuk penulisan, khasnya penulisan karangan bagi kertas satu Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Markah kertas satu Bahasa Melayu





akan menyumbang sebanyak lima puluh peratus bagi markah keseluruhan Bahasa Melayu. Oleh itu murid yang menguasai kemahiran mengarang berpeluang mendapat keputusan yang lebih cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kemahiran mengarang sangat perlu bagi murid, baik untuk keperluan seharian mahupun keperluan meneruskan pelajaran. Kemahiran mengarang bukan sahaja penting kepada murid untuk memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa, tetapi juga penting dalam pendidikan formal kerana sebahagian besar pendidikan formal memerlukan kerja-kerja mengarang dan menulis sebagai kaedah untuk mencapai matlamat, idea, perasaan dan pendapat (Isahak Haron, 1979). Awang Sariyan (1991) berpendapat, kemahiran menulis dalam kalangan murid penting kerana mereka bakal menjadi penulis yang mengisi khazanah ilmu dan budaya bangsa. Fungsi kemahiran menulis sebagai pengalihan daripada fikiran itu penting terutamanya dalam dunia moden yang mempunyai pelbagai peralatan percetakan yang canggih. Sehubungan dengan itu, ilmu pengetahuan yang terakam dalam minda dapat dimanfaatkan bersama menerusi tulisan (Kamarudin Husin, 1995). Melalui tulisan, seseorang itu dapat mengungkapkan keinginan dan perasaan sehingga mampu memperlengkap daya ingatan, dapat menyimpan rakaman perhubungan, aktiviti dan idea secara baharu, tepat, dan menyeluruh (Sulaiman Masri, 2004).

Kemahiran menulis merupakan yang tertinggi dalam kemahiran berbahasa. Lantaran itu penguasaannya sukar dicapai. Keupayaan menguasai kemahiran



menulis karangan yang baik dan cemerlang memerlukan banyak latihan serta dorongan luaran mahupun dalaman. Dari segi dalaman adalah amat berkait rapat dengan sikap murid itu sendiri yang ingin mencuba melakukan yang terbaik dan cemerlang. Manakala rangsangan luaran pula adalah banyak berkait dengan teknik pengajaran yang cuba disampaikan oleh seseorang guru melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selain itu perkongsian maklumat serta adanya sokongan bahan bantu mengajar juga akan mempermudah lagi murid menguasai pembelajaran karangan (Khairiah Ahmad, 1980).

Menurut Roselan Baki (2003), kemahiran dalam penulisan boleh dipelajari tetapi pendekatannya berbeza kerana penulisan tidak berbentuk fakta yang boleh dihafal. Sebaliknya, penulisan memerlukan latihan, iaitu percubaan menulis yang dilaksanakan berkali-kali. Latihan yang berkesan perlu disertakan dengan kandungan ilmu penulisan yang sewajarnya iaitu ilmu yang dapat diamalkan dan dijadikan rujukan. Seseorang itu perlu melaksanakan latihan penulisan dan kemudian menilai penulisan yang dihasilkan. Penggunaan kemahiran penulisan akan terbina sekiranya ilmu penulisan diberikan dalam suatu bentuk latihan yang sistematik, intensif, dan berterusan.

Pembelajaran menggunakan pendekatan Metakognisi ini merupakan salah satu daripada strategi pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran menulis karangan yang berteraskan bidang estetika. Bidang estetika berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan



kehalusan bahasa. Murid diharapkan dapat menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif. (HP perkara 12.0)

Berikut merupakan Hasil Pembelajaran yang diharapkan daripada kemahiran menulis. Murid dapat:

- (i) Memilih isi yang bernas dan membina kerangka penulisan. (pecahan 12.2)
- (ii) Membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan kohesif. (pecahan 12.3)
- (iii) Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheren. (pecahan 12.4)
- (iv) Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan. (pecahan 12.6)



Dalam konteks pendidikan di Malaysia, telah berlaku perubahan format perancangan pengajaran menulis karangan dan terkini format Kertas 1 (1103/1) telah dikemaskinikan dan mula diguna pakai pada tahun 2004. Format baru ini menghendaki calon menulis dua jenis karangan, iaitu sebuah karangan bahagian A, dan sebuah karangan bahagian B. Pada bahagian A, karangan berpandu, iaitu penulisan berdasarkan bahan rangsangan dalam gambar foto, gambar rajah, ilustrasi, kartun, pelan, iklan, petikan atau catatan. Panjang karangan di antara 200 hingga 250 perkataan. Calon tidak diberi pilihan tajuk. Dicaadangkan calon menghasilkan karangan dalam tempoh 45 minit dan markah yang diperuntukkan sebanyak 30. Pada bahagian B, karangan bebas, iaitu menulis sebuah karangan daripada lima tajuk yang diberi berdasarkan kombinasi bidang interpersonal, bidang





maklumat dan bidang estetik. Tajuk kelima berunsur komponen sastera. Panjang karangan 350 perkataan. Calon dicadangkan menulisnya dalam tempoh satu jam lima belas minit. Format Kertas 1 (1103/1) yang baru ini memberikan peluang yang lebih adil kepada pelajar. Menulis dua atau lebih karangan adalah lebih adil untuk menilai prestasi bahasa murid kerana akan dapat dilihat prestasi bahasanya dalam lebih daripada satu situasi.(Azman Wan Chik, 1994). Dengan ini ujian yang diberi mempunyai kesahan dan dapat menguji dan mengukur apa yang hendak diuji dan diukur.

Peluang yang diberikan melalui format baru ini akan menjadi sia-sia sekiranya calon tidak menguasai kemahiran menulis karangan. Jadi, guru perlu mencari kaedah dan pendekatan yang dapat membantu calon (murid) menguasai kemahiran menulis sehingga dapat menghasilkan sebuah karangan yang baik. Amalan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru perlu diganti dengan amalan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Justeru, pembelajaran menggunakan pendekatan Metakognisi merupakan alternatif strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran menulis karangan.





1.2 Pernyataan masalah

Kemahiran menulis merupakan salah satu aspek penting yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran ini diajarkan khusus melalui mata pelajaran bahasa, iaitu dalam bahagian karangan. Setiap murid mula didedahkan kepada kemahiran ini semenjak mereka di sekolah rendah lagi, seterusnya pula di sekolah menengah dalam tahap yang berbeza-beza (Nawi Ismail, 1993). Walaupun kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting tetapi paling sukar dikuasai (Abdul Shukor, 2001). Menurut Alias dan Darwis (1990), Abdul Aziz Talib (1990), dan Koh Boh Boon (1996), ramai murid mendapati bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang paling sukar dipelajari dan dikuasai. Isahak Haron (1979) juga berpendapat bahawa murid masih khuatir jika dihadapkan dengan kerja-kerja menulis seolah-olah kerja menulis itu jauh daripada pengalaman mereka. Hal ini berlaku kerana tugas mengarang memerlukan penulisnya mempunyai pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran bahasa, gaya, mencari dan menyusun isi, keaslian, pemilihan kata dan ekspresi, penghuraian, selain kemahiran mekanis seperti ejaan, tanda baca, dan perenggan (Abdul Aziz Talib, 1989). Kemahiran menulis sukar dikuasai oleh murid kerana kemahiran ini melibatkan bukan sahaja proses mencipta dan menyampaikan maklumat, tetapi juga penggubahan idea dan penyusunan bahasa dalam bentuk lengkap, sempurna, dan bermakna mengikut konteks wacana. Kemahiran menulis juga merupakan sebahagian besar daripada pendidikan formal yang memerlukan kecekapan mental dan kemahiran sendiri dalam penyampaian maklumat, idea, perasaan, atau pendapat (Abdul Jalil





Othman, 2000). Morsey (1976) dan Tarigan (1980) berpendapat, tugas mengarang memerlukan pemikiran yang jelas dan teratur untuk membolehkan seseorang itu menterjemah apa-apa yang ingin dinyatakan dalam mod lisan kepada mod tulisan dengan menggunakan siri ayat yang teratur dan betul. Hal ini penting kerana bahasa mempunyai bentuk dan maksud tersendiri (Abdullah Hassan, 1980).

Kemahiran menulis bukan sahaja sukar dikuasai malah sukar diajar kerana menulis itu suatu proses yang kompleks (Abdul Aziz Talib, 1990). Kompleksiti proses menulis sememangnya diakui oleh semua penyelidik bahasa (Koh Boh Boon, 1996). Sesungguhnya, kemahiran menulis merupakan sesuatu yang kompleks, namun tidak ramai murid yang menyedari bahawa penulisan atau penghasilan karangan sebagai satu proses yang menuntut disiplin yang tinggi (Awang Sariyan, 1991). Oleh yang demikian banyak murid yang menghadapi masalah dalam penulisan. Hal ini dapat dibuktikan daripada laporan prestasi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun melaporkan bahawa murid masih lemah dari segi bahasa, struktur ayat, ejaan, tanda baca, serta aspek-aspek yang lain. Perkara itu disokong dengan pendapat Mohd Jonit Mohd Johari (1996) yang menyatakan bahawa kelemahan murid adalah dari segi persediaan rangka, penguasaan tatabahasa, tanda baca, perbendaharaan kata, sistem ejaan baku, dan tulisan. Selain itu terdapat pelajar yang lemah dan tidak mematuhi had jumlah. Ada juga karangan yang terpesong dan terdapat juga kelemahan dari segi format dan bentuk. Selain itu terdapat juga isi karangan yang tidak mencukupi atau tidak dikembangkan.





Marohaini (1996) berpendapat kelemahan murid menulis karangan boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan pendedahan oleh guru yang tidak mencukupi tentang strategi dan teknik untuk menghasilkan isi karangan yang dapat membentuk fokus dan halusan penulisan yang mampu memenuhi fungsi komunikasi dalam penulisan. Perkara ini ada kaitannya dengan penguasaan ilmu dan kemahiran guru disamping pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran karangan. Menurut Sulaiman Masri (2004), guru perlu mempunyai imaginasi yang jelas, kosa kata yang banyak dan keupayaan menyampaikan isi atau fakta secara sistematik. Sungguh malang, jika guru hanya mampu berimaginasi dengan baik tetapi kurang motivasi apabila tiba pada penulisan karangan atau guru mempunyai idea yang banyak tetapi tidak tahu menulisnya.



Roselan Baki (2001) berpendapat bahawa penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang penulisan dalam kalangan sebahagian guru Bahasa Melayu masih belum mantap. Kebanyakan guru pada umumnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan. Oleh yang demikian mereka juga kurang pasti tentang binaan sesebuah penulisan mengikut jenis, tujuan, dan audien yang akan membaca sesebuah penulisan. Mereka juga kurang kemahiran tentang strategi pembinaan pertautan dan strategi untuk menghasilkan penulisan mengikut mod wacana tertentu, sama ada penulisan naratif, deskriptif, imaginatif dan argumentatif. Oleh itu guru-guru sering menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas mengajarkan penulisan kepada murid-





muridnya. Akhirnya, kesan daripada perlaksanaan amalan sedemikian, hari demi hari, maka terbinalah kepercayaan bahawa apa yang dilakukan adalah suatu kebenaran. Kepercayaan itulah yang menjadi panduan dan pegangan sebahagian daripada guru Bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana kebanyakan guru yang sedang mengajar Bahasa Melayu tidak memperoleh pendedahan tentang teknik pengajaran penulisan yang sebenar kerana hal itu tidak dimuatkan dalam kurikulum latihan keguruan ketika itu (Roselan Baki, 2001). Walau bagaimanapun sesetengah guru telah melakukan langkah-langkah tertentu atas inisiatif sendiri untuk mempertingkatkan dan memperluas pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengajaran penulisan melalui pembacaan, seminar, forum, dan kursus berkaitan (Roselan Baki, 2003).

Masalah memilih pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran bahasa sering dihadapi oleh guru. Keadaan ini bukan sahaja dihadapi oleh guru bahasa di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana setiap pendekatan pengajaran yang dipilih harus mencerminkan satu teori linguistik yang menjadi satu kepercayaan yang mungkin tidak dapat atau sukar dibuktikan secara empirik (Zaid Haji Ali, 2001). Justeru, kajian perlu dijalankan untuk mencari pendekatan yang berkesan bagi mengajar karangan. Kajian ini merupakan satu usaha penyelidikan untuk mengaplikasi pendekatan Metakognisi dalam pengajaran karangan.





1.3 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan Metakognisi terhadap penulisan karangan dalam bahasa Melayu. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Membimbing murid mencapai matlamat pembelajaran menggunakan pendekatan Metakognisi, iaitu murid membina sendiri pengetahuan baharu berdasarkan proses merancang, memantau, dan menilai.
- ii. Meningkatkan kebolehan murid dalam kemahiran mengarang dan menulis karangan jenis fakta (pendapat).
- iii. Membimbing murid menggunakan alat berfikir agar murid dapat berfikir dan bertindak balas terhadap aktiviti merancang penulisan karangan, sekali gus meningkatkan daya metakognisi mereka.



1.4 Persoalan Kajian:

Terdapat lima persoalan yang dibentuk untuk dijawab daripada kajian ini.

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pos bagi





kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan?

- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra dengan ujian pos dalam kumpulan eksperimen?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan pencapaian (markah)?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap keluarga dengan pencapaian (markah)?

1.5 Hipotesis kajian



Terdapat lima hipotesis nol (H_0) yang dibentuk untuk diuji kebenarannya. Aras signifikan untuk semua hipotesis diletakkan pada aras signifikan 0.05.

- i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra bagi Kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pos bagi Kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- iii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra dengan ujian pos dalam kumpulan eksperimen?
- iv. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca pelajar dengan pencapaian?





- v. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap keluarga dengan pencapaian murid?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan kemahiran menulis penting sebagai satu usaha meningkatkan kebolehan murid menguasai kemahiran menulis disamping membantu guru mempelbagai kaedah pengajaran. Penggunaan modul pengajaran pendekatan Metakognisi selaras dengan keperluan guru untuk menerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam kemahiran menulis karangan. Melalui modul pengajaran menggunakan pendekatan Metakognisi, kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui menerapkan proses merancang, memantau dan menilai.

Hasil kajian ini dapat mendorong guru mengubah strategi pengajaran menulis karangan daripada pembelajaran secara tradisional kepada penggunaan pendekatan Metakognisi. Pembelajaran menggunakan pendekatan Metakognisi dapat membantu guru bertindak sebagai pemudah cara dan menggalakkan aktiviti berpusat kepada murid. Murid berperanan sebagai pembuat keputusan yang aktif dan akhirnya





diharapkan mendapat kebolehan menggunakan idea dengan sendiri dan boleh merancang matlamat sendiri.

Sehubungan itu, modul pengajaran menggunakan pendekatan Metakognisi dalam penulisan karangan ini dapat membantu pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) menyediakan siri panduan modul pengajaran berasaskan kemahiran berfikir. Modul pengajaran ini boleh diubah suai bagi tujuan pengajaran tatabahasa, rumusan, dan pemahaman petikan. Penerapan kemahiran berfikir melalui pendekatan Metakognisi juga sesuai dengan falsafah pembelajaran sepanjang hayat.



Kemahiran menulis penting dan perlu dikuasai oleh murid ketika dalam dunia persekolahan untuk persediaan ke alam pekerjaan dan kehidupan sosial. Kajian yang dibuat dapat membantu guru dan murid menguasai kemahiran menulis. Oleh itu kajian yang dijalankan ini penting untuk menentukan keberkesanan pendekatan mengajar karangan. Begitu juga kajian ini secara tidak langsung dapat memperkembang lagi bidang pedagogi di Malaysia.





1.7 Batasan kajian

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Kangsar, Perak. Penyelidik memilih Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Shing Chung, Sungai Siput (U) untuk melaksanakan kajian. Apa yang cuba diukur dalam kajian ini ialah berkaitan dengan keberkesanan modul pengajaran karangan menggunakan pendekatan Metakognisi. Skop kajian ini juga terbatas kepada pengajaran karangan bahasa Melayu peringkat menengah atas (tingkatan empat). Jenis karangan yang digunakan dalam kajian ini ialah karangan jenis pendapat. Pendekatan Metakognisi digunakan kepada kumpulan eksperimen dan pembelajaran secara tradisional kepada kumpulan kawalan.



1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Pendekatan

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996:284) mendefinisikan pendekatan sebagai perihal (perbuatan) mendekati atau kaedah (cara, langkah-langkah, dan sebagainya) yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dan lain-lain). Dalam bidang pendidikan, pendekatan merujuk kepada beberapa teori yang berkaitan dengan sifat-sifat semula jadi pembelajaran yang menghidangkan





pelbagai sumber latihan dan prinsip yang menjadi pegangan dalam sesuatu pengajaran. Menurut Kamarudin Husin (1991), dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pendekatan diertikan sebagai satu kumpulan andaian yang berhubungan, yang memperkatakan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa.

Kesimpulannya, pendekatan dalam bidang pendidikan merujuk kepada set teori pembelajaran yang akan diamalkan dalam pengajaran. Pendekatan yang sesuai untuk pengajaran bahasa amat penting bagi membantu murid menguasai kemahiran yang diajar. Pendekatan yang dipilih hendaklah sesuai dengan kebolehan murid. Tahap kecerdasan yang berbeza-beza dalam populasi murid merangsang guru-guru untuk menentukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Mohd Majid Konting, 1990).



1.8.2 Metakognisi

Menurut Philips (1996), konsep metakognisi mula diperkenalkan oleh seorang ahli psikologi bernama Profesor John Flavell yang telah melakukan banyak penyelidikan di Universiti Stanford. Ekoran daripada itu, beberapa orang penyelidik telah memberikan takrif metakognisi. Baker (1984) mendefinisikan metakognisi sebagai pengetahuan tentang kognisi dan juga pengawalan tentang kognisi sendiri. Definisi tersebut diperkembangkan pula oleh Schoenfeld (1987) yang menyatakan bahawa metakognisi termasuk kesedaran tentang kognisi dan strategi kognitif,





pengawalan dan pengendalian sendiri kognitif, proses kognitif, kepercayaan dan gerak hati tentang tugas-tugas. Matlin (1989) pula memberikan takrifan bahawa metakognisi adalah pengetahuan tentang kesedaran seseorang terhadap proses kognitifnya sendiri. Manakala Feldman (1993) dan Baron (1995) masing-masing mentakrifkan metakognisi sebagai kesedaran dan kefahaman seseorang terhadap proses kognisi sendiri.

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia mendefinisikan metakognisi ialah kesedaran tentang apa yang diketahui dan apa yang tidak diketahui. Strategi metakognisi pula merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran mengenai proses berfikir dan pembelajaran yang berlaku. Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau, dan menilai apa yang dipelajari. Operasi metakognisi akan berlaku apabila seseorang berfikir tentang kemahiran berfikir yang digunakan semasa memproses operasi kognitif. Apabila seseorang sedar tentang jenis-jenis kemahiran berfikir yang digunakan semasa melakukan operasi kognitif, maka dia sebenarnya telah melakukan operasi metakognitif (Unit kurikulum, Jabatan Pelajaran Perak).

Secara umumnya, metakognisi adalah fikiran (thought) tentang pemikiran (thinking) (Matlin, 1989) atau pemikiran tentang pemikiran (thinking about thinking) (Stewart, 1989 dan Swartz, 1994) atau kognisi tentang kognisi (cognition about cognition) (Flavell, 1993). Metakognisi merupakan pengetahuan atau





kawalan pemikiran yang digunakan oleh seseorang terhadap aktiviti pemikiran dalam pembelajarannya sendiri.

1.8.3 Pengajaran

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996: 18), pengajaran bermakna perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan, dan lain-lain). Menurut Ee Ah Meng (1992), pengajaran merupakan satu sistem aktiviti-aktiviti yang dituju kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan-perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Proses pengajaran berkait rapat dengan pembelajaran. Amir Awang (1986) menyatakan bahawa terdapat empat ciri pembelajaran, iaitu:-

- i. Pembelajaran adalah satu proses gemblengan kognitif, afektif, dan psikomotor yang kompleks.
- ii. Pembelajaran menghasilkan perubahan yang agak kekal dan stabil dalam tingkah laku seseorang.
- iii. Perubahan itu perlulah dihasilkan melalui pengalaman, latihan, atau interaksi antara individu dengan persekitarannya.
- iv. Perubahan itu tidak semestinya boleh diperhatikan secara langsung. Adakalanya, perubahan ini diinferensikan dari perubahan tingkah laku lain yang boleh diperhatikan secara langsung, seperti pengujian, penilaian atau latihan.





1.8.4 Karangan

Za'ba (1952) mendefinisikan karangan sebagai hasil daripada kepandaian menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan ayat. Beliau menegaskan bahawa sesebuah karangan mengandungi ayat-ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan, dan sebagainya. Mengarang adalah satu proses melahirkan idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk tulisan secara berterusan dan logik. Dari segi kepanjangannya, ia boleh merupakan satu ayat perenggan atau satu makalah panjang. Dari segi isinya pula meliputi surat kiriman, minit mesyuarat, laporan, nota ringkas, cerita, iklan dan lain-lain (Koh Boh Boon, 1996).



Raminah Sabran (1989) menyatakan bahawa karangan ialah pengaliran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru secara langsung. Murid-murid diberi kebebasan melahirkan pendapat, fikiran, komen, cadangan dan ulasan ketika menulis karangan. Dari satu aspek pula, fikiran mereka dikawal oleh tajuk yang telah disediakan oleh guru. Dapatlah disimpulkan bahawa karangan adalah latihan melahirkan fikiran, perasaan, dan idea secara bebas tetapi dikawal oleh arahan, peraturan, dan tajuk karangan yang disediakan. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan adalah satu kemahiran yang perlu diberi perhatian khusus dan tidak dibiarkan sebagai pelajaran sampingan.





Kesimpulannya, karangan adalah gubahan fikiran, idea, dan pendapat tentang sesuatu perkara. Penghasilan itu menggunakan alat bahasa yakni lambang, grafik seperti huruf, angka, dan sebagainya. Secara formal, karangan merupakan hasil penulisan yang terhad kepada beberapa jumlah perkataan tentang sesuatu tajuk. Ia juga memberi makna membuat pilihan isi, membentuk secara menyusun kata-kata, ayat dan perenggan supaya menjadi satu bentuk penulisan unggul, sempurna, sistematik, dan difahami oleh pembaca.

